



## IKLAN PENGAMBILAN PERSONEL *SHORT TERM EMPLOYMENT PROGRAM (MYSTEP)* 2021 JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN INTEGRASI NASIONAL

Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional ingin mempelawa warganegara Malaysia yang berkelayakan bagi mengisi **satu (1) jawatan** kontrak di bawah Personel *Short Term Employment Program (MySTEP)* bagi tahun 2021 seperti berikut:

Kluster Jawatan	:	Pembantu Tadbir
Gaji	:	RM1,600
Tempoh Lantikan	:	sehingga 31 Disember 2021
Kemudahan	:	Cuti Rehat, Cuti Sakit, Caruman KWSP dan Caruman PERKESO
Penempatan	:	Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional

### **SYARAT KELAYAKAN**

Memiliki kelayakan **Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)** atau yang setaraf dan diiktiraf oleh Kerajaan dengan mendapat sekurang-kurangnya kepujian (Gred C) dalam mata pelajaran Bahasa Melayu dan Matematik

### **KRITERIA TAMBAHAN**

Keutamaan diberikan kepada calon yang memiliki pengetahuan dan kemahiran serta ciri-ciri seperti berikut:

- Berkemahiran dalam pertuturan, penterjemahan dan penulisan Bahasa Melayu, dan Bahasa Inggeris
- Berkemahiran dalam aplikasi Microsoft Office, Excel, Power Point dan media sosial.
- Mempunyai kepakaran dalam penggunaan perisian (software skills) grafik dan multimedia.

### **DESKRIPSI TUGAS**

- Membantu kerja-kerja promosi dan publisiti Jabatan;
- Menyediakan penerbitan digital Jabatan meliputi e-Banner, poster, dan video bagi tujuan promosi dan publisiti di laman web dan media sosial.

- c) Membantu urusan penerbitan buku dan majalah untuk tujuan promosi dan keperluan semasa Jabatan;
- d) Menjalankan urusan rekaan grafik dan multimedia;
- e) Menerbitkan video berita perpaduan untuk melaporkan aktiviti perpaduan secara lebih meluas;
- f) Lain-lain diarahkan oleh pihak pengurusan Jabatan dari semasa ke semasa.

### **CARA MEMOHON**

1. Bagi calon yang berminat hendaklah mengemukakan dokumen-dokumen seperti berikut (tidak akan dikembalikan):
  - a) Resume beserta gambar terkini berwarna bersaiz pasport; dan
  - b) Salinan sijil SPM serta sijil lain yang berkaitan.
2. Permohonan hendaklah dikemukakan melalui emel ke **unit\_UPO@perpaduan.gov.my** dengan catatan **Permohonan Personel MySTEP – Jawatan Pembantu Tadbir**.

**Hanya calon yang layak akan dipanggil untuk sesi temuduga**

**TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 17 SEPTEMBER 2021 (JUMAAT)**